



KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 6 TAHUN 1997

KAEDAH PENETAPAN GAJI PERMULAAN ANGGOTA
YANG DINAIKKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN
(KPSL) DI BAWAH SISTEM SARAAAN BARU (SSB)

TUJUAN

1. Surat Pekeliling ini bertujuan menjelaskan kaedah menetapkan gaji permulaan anggota Perkhidmatan Awam yang dilantik secara KPSL tetapi mendapat gaji permulaan yang lebih rendah daripada gaji di *jawatan lama*.

LATAR BELAKANG

2. Oleh kerana KPSL merupakan satu *proses lantikan*, dan *bukannya kenaikan pangkat* seperti yang ditakrifkan dalam [Perintah Am Bab A](#) atau Peraturan-Peraturan Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam 1986, maka penetapan gaji permulaan anggota yang terbabit perlu dibuat mengikut peruntukan [Perintah Am 33 Bab A](#), 1973 dan perenggan 70.2 [Pekeliling](#)

[Perkhidmatan Bil. 9 Tahun 1991 \(PP 9/91\)](#). Berdasarkan kepada perenggan 70.2 [PP 9/91](#) gaji permulaan bagi setiap perlantikan hendaklah ditetapkan di Peringkat 1 (P1) sahaja.

DEFINASI

3. Untuk maksud Surat Pekeliling ini:
 - (i) **Jawatan KPSL** ialah jawatan yang skim perkhidmatannya ada menyediakan peluang perlantikan secara KPSL kepada anggota yang sedang menyandang jawatan dalam skim perkhidmatan yang lain.
 - (ii) **Jawatan lama** ialah jawatan yang skim perkhidmatannya ada menyediakan peluang kepada penyandanganya dilantik secara KPSL ke suatu jawatan dalam skim perkhidmatan yang lain.

ISU

4. Semenjak SSB dikuatkuasakan terdapat anggota yang dilantik secara KPSL telah ditawarkan gaji permulaan yang lebih rendah daripada gaji yang telah mereka terima di **jawatan lama**. Ini disebabkan:
 - (i) matagaji tertinggi di P1 untuk **jawatan KPSL**, iaitu matagaji terbaik yang boleh ditawarkan, rendah daripada gaji yang telah mereka terima di **jawatan lama**. Lihat contohnya di [Lampiran A](#);
 - (ii) tarikh kuatkuasa KPSL anggota dikebelakangkan sebelum tarikh

pergerakan gaji di ***jawatan lama*** mereka. Oleh itu apabila gaji permulaan ***jawatan KPSL*** ditetapkan berdasarkan kepada gaji yang telah mereka terima pada tarikh KPSL dikuatkuasakan, gaji permulaan tersebut lebih rendah daripada gaji ***jawatan lama*** yang sedang mereka terima pada tarikh KPSL diumumkan. Lihat contohnya di

[Lampiran B](#);

- (iii) anggota yang dilantik secara KPSL ke jawatan yang mempunyai gred dan kod gaji yang sama tetapi telah mendapat amaun pergerakan gaji tahunan yang lebih rendah. Lihat contohnya di [Lampiran C](#).

KAEDAH PENYELESAIAN

5. Bagi menyelesaikan isu di **perenggan 4(i)** di atas, ketua jabatan hendaklah mengemukakan permohonan kepada Bahagian Saraan di Jabatan ini supaya satu Jadual Gaji Matriks (JGM) Khas Untuk Penyandang (KUP) boleh digubal untuk mereka.

6. Bagi isu di **perenggan 4(ii)** pula, anggota hendaklah ditawarkan matagaji yang tertinggi berhampiran dengan gaji yang sedang mereka terima di ***jawatan lama*** pada tarikh KPSL diumumkan atau pada tarikh mereka melaporkan diri untuk menjalankan tugas jawatan KPSL, mengikut mana yang terkemudian. Gaji ***jawatan KPSL*** pada tarikh KPSL dikuatkuasakan hendaklah diselaraskan secara isyarat sahaja.

7. Mengenai isu di **perenggan 4(iii)**, gaji permulaan anggota hendaklah ditetapkan mengikut peruntukan [Perintah Am 33 Bab A](#), 1973 dan perenggan 70.2 [PP 9/91](#) sama ada di P1, P2 atau P3 dalam JGM *jawatan KPSL*, iaitu bergantung kepada Peringkat (P) mana mereka berada semasa di *jawatan lama*.

SYARAT PEMAKAIAN

8. Kaedah penyelesaian yang digariskan di perenggan 5, 6 dan 7 di atas hanya boleh digunakan untuk anggota yang telah memilih SSB dan telah dilantik secara KPSL mengikut peruntukan [Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 1985](#), dipinda oleh [Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil 8 / 97](#) (23/10/97) pada atau selepas 1.1.92.

TARIKH KUATKUASA

9. Surat Pekeliling ini dikuatkuasakan mulai 1.1.92. Pemakaiannya dipanjangkan juga kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan, tertakluk kepada penerimaan oleh pihak pengurusan agensi berkenaan.



(DATO' HAJI KHALIL BIN HAJI HUSSAIN)

Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam 2,

b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,

Malaysia.

Tarikh: 29 Ogos 1997

Semua Ketua Setiausaha Kementerian.

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

S.k.:

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri.

Semua Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan dan Negeri.

Semua Pihak Berkuasa Tempatan.

CONTOH UNTUK ISU DI PERENGGAN 4(i)

Maklumat	Jawatan Lama	Jawatan KPSL
Nama jawatan	Penyelia Asrama N7	Penolong Pegawai Penyediaan Makanan C5
Gaji tertinggi P1 bagi jawatan KPSL	-	RM1935 (P1T25)
Tarikh kuatkuasa KPSL	-	1 Julai 1997
Gaji pada 1 Julai 1997 (tarikh kuatkuasa KPSL)	RM1989 (P3T11)	RM1935 (P1T25)

NOTA:

Dari contoh di atas adalah jelas bahawa gaji ***jawatan KPSL*** anggota pada tarikh kuatkuasa KPSL, iaitu sebanyak RM1935, lebih rendah berbanding dengan gaji ***jawatan lamanya***, iaitu RM1989.

Ringkasan JGM C5 dan N7:***Jadual Gaji***

	T1	T14	T25
<i>Matriks C5 :</i>			
P1	791	1363	1935
P2	837	1435	2061
P3	885	1509	2181

Jadual Gaji

Matriks N7 :

	T1	T6	T11
P1	1254	1474	1799
P2	1300	1552	1892
P3	1348	1634	1989

CONTOH UNTUK ISU DI PERENGGAN 4(ii)

Maklumat	Jawatan Lama	Jawatan KPSL
Nama Jawatan	Penyelia Asrama N7	Penolong Pegawai Penyediaan Makanan C5
Tarikh Pergerakan Gaji	Oktober	Januari
Tarikh kuatkuasa KPSL	-	1 Mac 1996
Tarikh KPSL diumumkan	-	1 November 1996
Gaji pada 1 Mac 1996 (tarikh KPSL dikuatkuasakan)	RM1669 (P1T9)	RM1671 (P1T21) [gaji permulaan KPSL (secara isyarat)]
Gaji pada 1 Oktober 1996 (tarikh pergerakan gaji jawatan lama)	RM1824 (P2T10) (pergerakan gaji melintang)	RM 1671
Gaji pada 1 November 1996 (tarikh KPSL diumumkan)	RM1824	RM1671
Tarikh memulakan tugas jawatan KPSL	-	4 November 1996

NOTA

Berdasarkan contoh di atas, Penolong Pegawai Penyediaan Makanan yang terbabit hanya layak dibayar gaji permulaan ***jawatan KPSL*** sebanyak RM1671 pada tarikh KPSL diumumkan (1 November 1996), sedangkan pada tarikh itu beliau telah menerima gaji ***jawatan lamanya*** sebanyak RM1824. Ini bermakna pada tarikh tersebut gaji ***jawatan KPSL*** beliau kurang sebanyak RM153. Untuk mengatasi masalah ini, penama boleh dibayar gaji sebanyak RM1869 (P1T24) dalam JGM ***jawatan KPSL*** mulai 4 November 1996, iaitu tarikh beliau memulakan tugas jawatan tersebut. Tarikh pergerakan gaji ***jawatan KPSL*** kekal pada 1 Januari.

CONTOH UNTUK ISU DI PERENGGAN 4(iii)

Maklumat	Jawatan Lama	Jawatan KPSL
Nama jawatan	Pegawai Pemeriksa Cukai	Pegawai Penaksir
Gred dan kod gaji	W3	W3
Tarikh KPSL	-	1 Julai 1997
Tarikh pergerakan gaji	1 April	1 Julai
Gaji pada 1 April 1997 (tarikh pergerakan gaji <i>jawatan lama</i>)	RM2904(P3T20)	-
Gaji pada 1 Julai 1997 (tarikh kuatkuasa KPSL)	RM2904	RM2989 (P1T24)

AMAUN SATU PERGERAKAN GAJI BAGI

JGM W3

Peringkat 1 (P1)	Peringkat 2 (P2)	Peringkat 3 (P3)
T1 - T17 = RM66	T1 - T17 = RM69	T1 - T17 = RM72
T18 - T26 = RM109	T18 - T26 = RM 113	T18 - T26 = RM117

NOTA:

Dari contoh di atas anggota akan mendapat gaji permulaan *jawatan KPSL* yang lebih tinggi daripada gaji *jawatan lama*, tetapi kadar kenaikan tahunan yang

akan mereka terima hanya sebanyak **RM109** (sekiranya mendatar), sedangkan sebelum KPSL mereka boleh mendapat sebanyak **RM117**. Untuk mengatasi masalah ini gaji permulaan ***jawatan KPSL*** beliau boleh ditetapkan pada matagaji RM3021 (P3T21) dalam JGM W3, dipinda oleh Surat Pekeliling Perkhidmatan 8 / 97 dan diganti dengan (P32T1).